

01 DEC 2003

Hadi-Abdullah

HADI AKAN TERUS TENTANG ABDULLAH JIKA PM TAK TEGAKKAN SYARIAH ISLAM

KUALA TERENGGANU, 1 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata beliau akan terus menentang kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi jika tiada perubahan dilakukan untuk menegakkan syariah Islam di negara ini.

Ketika membentangkan Bajet 2004 pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu hari ini, beliau berkata dalam erti kata lain Perdana Menteri yang baru sewajibnya tidak mewarisi pentadbiran negara sekular atau Islam saduran yang diamalkan selama ini.

"Dengan itu jika sesiapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri, jika tidak mengamalkan ajaran Islam tulen, maka selagi itulah kita akan menentang mereka," kata Abdul Hadi yang juga Presiden PAS.

Sambil mengucapkan selamat bersara kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau secara sinis mengucapkan terima kasih kepada bekas perdana menteri itu kerana mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Abdul Hadi berkata media massa telah menguar-uarkan Abdullah sebagai seorang yang mempunyai asas pendidikan agama dan kerana itu beliau berharap kepimpinan Perdana Menteri itu tidak akan tergelincir daripada ajaran Islam yang sebenar.

"Kita akan menghormatinya dan akan bersama dengannya jika beliau mempunyai cita-cita yang sama iaitu menegakkan syariah Islam di negara ini," katanya.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

AYB ERE MAI